

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.4 ( 3 )

5 Februari 2016  
26 Rabiulakhir 1437

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 5/2016

### PENUBUHAN PEJABAT PENGURUSAN STRATEGI (*STRATEGY MANAGEMENT OFFICE*) UTM SMO

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 2/2016 bertarikh 25 Januari 2016 telah meluluskan cadangan penubuhan Pejabat Pengurusan Strategi (*Strategy Management Office*) UTM SMO dan diletakkan di bawah Pejabat Naib Canselor.

2. Tujuan penubuhan Pejabat Pengurusan Strategi (*Strategy Management Office*) UTM SMO adalah untuk memperkasakan pengurusan strategi UTM dengan memantapkan lagi struktur dan proses kerja yang berkaitan dengan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan strategi serta pengurusan data bagi memenuhi keperluan UTM dan pihak berkepentingan.
3. Peranan dan tanggungjawab utama Pejabat Pengurusan Strategi (*Strategy Management Office*) UTM SMO adalah:
  - a. Menjadi pusat rujukan keperluan dan standard Pengurusan Strategi Universiti
  - b. Merancang, membangun dan mendokumen perancangan strategi korporat
  - c. Menyelaras dan melaksanakan pelan strategi UTM di semua peringkat dilaksanakan
  - d. Memantau, menilai dan menghebahkan pencapaian perancangan strategi UTM
  - e. Membantu mengenal pasti keperluan dan strategi bagi penarafan universiti
  - f. Membantu melaksanakan transformasi secara lebih menyeluruh di semua peringkat PTJ
  - g. Menjadi penyelaras dan penghubung di antara UTM dengan Pejabat Pengurusan Program (PMO) KPT
  - h. Menjadi penasihat kepada Naib Canselor berkenaan inisiatif untuk meningkatkan prestasi dan sistem penyampaian UTM
  - i. Menguruskan data MyMOHES serta menyelaras dan mengintegrasikan semua data untuk tujuan analisis, membuat keputusan dan hebahan

- j. Membangunkan *Business Intelligent System* untuk menganalisis data dan dapat membuat keputusan dan strategi yang tepat
  - k. Membuat penyelidikan institusi dan menyediakan laporan, kertas kerja atau penulisan dan pembentangan
4. Universiti juga telah bersetuju melantik Prof. Dr. Shahrin bin Mohammad sebagai **Pengarah Pengurusan Strategi** selama dua (2) tahun mulai **1 Februari 2016 hingga 31 Januari 2018**. Alamat surat-menyerat dan lokasi Pejabat Pengurusan Strategi adalah seperti berikut:

**Pejabat Pengurusan Strategi,  
Pejabat Naib Canselor,  
Aras 3, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim,  
UTM Johor Bahru, Johor.  
Telefon : 07 - 5530454 / Faks : 07 - 5579376**

5. Sehubungan itu, semua staf diminta mengambil maklum mengenai penubuhan Pejabat Pengurusan Strategi dan segala urusan berkaitan hendaklah dimajukan ke Pejabat Pengurusan Strategi berkuat kuasa dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Yang benar,



**WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN**  
Pendaftar

- s.k. - YBhg. Datuk Naib Canselor  
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)  
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)  
- Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur  
- Bendahari  
- Pengarah Kerja, Pejabat Harta Bina  
- Pegawai-Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

# **UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.4 ( 3 )

5 February 2016  
26 Rabiulakhir 1437

## **ADMINISTRATIVE CIRCULAR NO. 5/2016**

### **ESTABLISHMENT OF UTM STRATEGY MANAGEMENT OFFICE (UTM SMO)**

Please be informed that the University Management Committee Meeting No. 2/2016 dated January 25, 2016 has endorsed the proposed establishment of the UTM Strategy Management Office (UTM SMO), placed under the Office of the Vice-Chancellor.


2. The aim of establishing the UTM Strategy Management Office (UTM SMO) is to empower UTM strategic management by consolidating the structure and work processes related to planning, implementation and monitoring of strategies and data management in meeting the needs of UTM and its stakeholders.
3. The roles and responsibilities of the Strategy Management Office (UTM SMO) are as follows:
  - a. Function as the University's strategic management center of reference and standards
  - b. Plan, develop and document corporate strategy planning
  - c. Coordinate and implement UTM strategic planning at all levels
  - d. Monitor, assess and disseminate UTM strategic planning achievements
  - e. Assist in identifying the University's ranking needs and strategies
  - f. Assist in the implementation of a more comprehensive transformation at all levels of Responsibility Centres (PTJs)
  - g. Act as the coordinator and liaison between UTM and the Program Management Office (PMO) of the Ministry of Higher Education (KPT)
  - h. Act as an advisor to the Vice-Chancellor for initiatives in enhancing UTM's performance and delivery system

- i. Manage the MyMOHES data as well as coordinate and integrate all data for the purpose of analysis, decision-making, and announcements
  - j. Develop a Business Intelligent System for data analysis purposes that can assist in decision-making and strategy execution
  - k. Conduct institutional research and prepare reports, working papers or write articles for publication and presentations
4. The University has also endorsed the appointment of **Prof. Dr. Shahrin bin Mohammad** as the Director of the UTM Strategy Management Office for a duration of two (2) years, **commencing 1 February 2016 to 31 January 2018**. Correspondence address and the location of the UTM Strategy Management Office are as follows:
- Strategy Management Office,**  
**Office of the Vice-Chancellor,**  
**Level 3, Sultan Ibrahim Chancellery Building,**  
**UTM Johor Bahru, Johor.**  
**Telephone: 07-5530454 / Fax: 07-5579376**
5. Hence, all staff members are required to take note of the establishment of the UTM Strategy Management Office and all related matters shall be forwarded to the Strategy Management Office with effect from the date of this circular.

Thank you.

**"Berkhidmat untuk Negara kerana Allah"**

Yours sincerely,

  
**WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN**  
Registrar

c.c. - Vice-Chancellor  
- Deputy Vice-Chancellor (Research & Innovation)

- Deputy Vice-Chancellor (Academic & International)
- Deputy Vice-Chancellor (Student Affairs & Alumni)
- Deputy Vice-Chancellor (Development)
- Director, UTM Kuala Lumpur Campus
- Bursar
- Director of Works, Office of Asset and Development
- Senior Officers/Deans/Directors